

## **Kajian Pengajaran: Memupuk Keyakinan Murid Menggunakan Bahasa Melalui Drama**

Asmidah Mohd Jailani, Hajjah Marzia Abdul Rahman, Rasyidah Bajuri,  
Zarina Abu Bakar, Siti Salhah Salam, Farhani Kosaini  
dan Siti Mariam Mohd Amin, Jabatan Bahasa Ibunda, Sekolah Rendah Fuchun &  
Pusat Bahasa Melayu Singapura, Kementerian Pendidikan Singapura

### **Nota Berkenaan Penulis/Penyampai**

Asmidah Mohd Jailani, Guru Bahasa Melayu, Jabatan Bahasa Ibunda,  
Sekolah Rendah Fuchun & Pusat Bahasa Melayu Singapura, Kementerian Pendidikan  
Singapura

Untuk segala keterangan berkenaan kertas kerja ini, sila hubungi Hajjah  
Marzia, Guru Kanan, Jabatan Bahasa Ibunda, Sekolah Rendah Fuchun, 23,  
Woodlands Avenue 1 Singapura (739063)

Sila hubungi: [hajjah\\_marzia@moe.edu.sg](mailto:hajjah_marzia@moe.edu.sg)

## ABSTRAK

Pendidikan yang sentiasa berkembang mewajibkan guru-guru sentiasa melakukan uji kaji dan renungan untuk mencari pelbagai cara dan kaedah pembelajaran yang dapat memenuhi keperluan pembelajaran murid agar dapat meningkatkan proses pembelajaran dengan lebih berkesan. Lakonan atau drama adalah salah satu alat yang dapat meningkatkan proses pembelajaran murid sambil membantu murid meningkatkan pencapaian yang lebih tinggi dalam bidang akademik. Subjek bagi kajian ini melibatkan murid Darjah 3 dan 5. Tujuan kajian ini adalah untuk menganalisis kesan penggunaan drama dalam membantu murid memupuk keyakinan diri dalam penulisan. Keyakinan diri dipupuk melalui aktiviti yang memberikan murid pengalaman menerusi aktiviti sumbang saran dan pemerancahan sebelum mereka digalakkan berlakon. Hal ini dapat membina keyakinan diri murid dalam penulisan karangan mereka. Kumpulan murid Darjah 5 mengenal pasti frasa yang boleh digunakan berdasarkan gambar dan memadankan frasa dengan gambar rangsangan dalam penulisan karangan. Kumpulan murid Darjah 3 pula mengenal pasti kesan bunyi, dialog dan aksi yang boleh mereka gunakan dalam aktiviti main peranan. Murid mendapat gambaran keseluruhan isi karangan daripada lakonan yang dilakukan oleh semua kumpulan murid. Murid kemudiannya menulis dialog yang dipelajari semasa berlakon dan menyaksikan lakonan rakan dalam karangan mereka. Pelbagai alat penilaian seperti senarai semak digunakan untuk memastikan murid menggunakan dialog yang dipelajari dalam tulisan murid. Bahan-bahan penulisan yang sesuai disediakan sebagai usaha lanjutan untuk merancah pembelajaran murid dalam penulisan karangan. Melalui drama, murid didapati lebih mengingati dan menyimpan maklumat yang diperolehi daripada aktiviti lakonan yang dilakukan yang kemudiannya digunakan bagi penulisan karangan mereka.

*Kata Kunci:* Pembelajaran melalui Drama

## **Pengenalan**

Pendidikan yang sentiasa berkembang mewajibkan guru sentiasa melakukan uji kaji dan renungan untuk mencari pelbagai alat pembelajaran yang dapat memenuhi keperluan pembelajaran murid agar dapat meningkatkan proses pembelajaran dengan lebih berkesan. Guru menggunakan pelbagai strategi bagi menjadikan pembelajaran lebih efektif dan bermakna kepada murid. Berlakon atau berdrama adalah salah satu aktiviti yang dapat meningkatkan proses pembelajaran pelajar sambil membantu mereka mencapai tahap pencapaian yang lebih tinggi dalam bidang akademik. Oleh sebab murid melibatkan diri dalam lakonan tersebut secara langsung, murid dapat lebih mengingat dan menyimpan maklumat daripada aktiviti lakonan yang dilakukan untuk digunakan pada masa-masa yang lain.

## **Tujuan kajian**

Kajian ini bertujuan untuk menganalisis kesan penggunaan drama dalam membantu murid memupuk keyakinan diri dalam penulisan. Di samping itu, kajian ini juga bertujuan untuk melihat keberkesanan drama dalam mengembangkan pemikiran murid. Hal ini sejajar dengan saranan Kementerian Pendidikan Singapura yang mengharapkan pengetahuan dan sahsiah murid dikembangkan secara holistik.

## **Permasalahan**

Bagi penulisan karangan berdasarkan gambar, guru mendapati bahawa tugas karangan yang dihantar oleh murid biasanya kurang bermutu. Hal ini berlaku kerana isi karangan yang ditulis oleh murid selalunya tertakluk pada isi mengenai gambar-gambar yang diberikan sahaja. Panduan yang diberikan dalam kertas soalan penulisan karangan berdasarkan gambar akan digunakan oleh murid dalam penulisan mereka secara bulat-bulat tanpa menokok tambah dengan idea lain. Kebanyakan murid mengambil jalan mudah semasa menulis dengan menyusun isi dan menggunakan plot karangan yang mudah. Akibatnya, terdapat banyak persamaan dalam karangan murid dari segi idea, pengolahan cerita dan plot semasa menulis karangan berdasarkan gambar. Hal ini berlaku disebabkan juga murid tidak kreatif dalam merancang penulisan karangan mereka.

Setelah meneliti perkara ini, guru mula memikirkan cara-cara bagaimana membantu dan membina kemahiran murid menulis karangan yang lebih kreatif dan menarik. Guru mendapati bahawa pengajaran yang berteraskan drama boleh diteroka dan

digunakan untuk tujuan kajian. Guru juga berharap pendekatan pengajaran menggunakan drama ini diharapkan dapat memperbaiki sikap murid, meluaskan kosa kata, menjana idea dan memupuk keyakinan murid untuk menggunakan bahasa Melayu dengan lebih efektif dan yakin, khususnya dari segi penulisan karangan berdasarkan gambar.

### **Kajian Lepas**

Menurut Colleen Johnson (2002), untuk pembelajaran yang berkesan, kanak-kanak harus diberi peluang untuk melakukan aktiviti yang membolehkan mereka berfikir lebih mendalam tentang proses pemikiran mereka sendiri. Drama adalah alat yang mana kanak-kanak dapat meneroka konsep dan meraih pengetahuan dan pemahaman. Ia unik kerana guru dan murid dapat mereka konteks yang pelbagai dan tiada batasan.

Menurut Baldwin (2002) pula, kanak-kanak merupakan pemikir aktif dan belajar secara kinestetik dan 'drama adalah bentuk yang menggabung jalin aktiviti lisan, visual dan kinestetik untuk pelajar'. Dalam kata lain, penggunaan drama dalam proses pembelajaran memberikan ruang kepada murid untuk meningkatkan pemahaman dengan keupayaan untuk membuat kaitan dan hubungan antara kemampuan murid secara lisan dengan aksi atau aktiviti lakonan yang dilakukan oleh murid.

Kathleen Warren (1993) menyatakan bahawa kerjasama antara guru dan murid dapat mempengaruhi jalan cerita dan kesimpulan, menyelesaikan masalah yang mungkin timbul dan membuat keputusan yang menentukan jalan cerita tersebut. Dalam erti lain, semasa melakukan aktiviti drama yang dirancang guru bagi tujuan pengajaran dan pembelajaran, murid mengalami semua aktiviti lakonan secara langsung oleh mereka sendiri. Perkara ini penting kerana melibatkan murid secara langsung dan keterlibatan murid dalam aktiviti lakonan memberikan setiap murid peluang untuk mengalami sendiri apa yang berlaku. Hal ini dapat meningkatkan keterlibatan murid dalam pembelajaran dan turut bertanggungjawab terhadap pembelajaran mereka sendiri.

Menurut Diana Morrone (2001) pula, drama merupakan alat untuk melibatkan murid dan membuat pembelajaran lebih bermakna. Melalui aktiviti main peranan, murid dapat memahami dan mengalami kehidupan watak lain dalam suasana yang selesa dan selamat. Aktiviti main peranan juga memupuk kemahiran berfikir kerana murid terpaksa berkomunikasi untuk menyelesaikan masalah. Komunikasi antara rakan sebaya dalam perbincangan dan latihan meningkatkan keyakinan diri murid.

Para penyelidik yang lain juga mengesahkan fakta bahawa drama dapat membantu dalam proses pembelajaran. Kajian yang dijalankan mengenai drama membuktikan bahawa penggunaan alat ini dapat meningkatkan pencapaian murid dalam bidang akademik jika digunakan secara efektif dan menjadi amalan di dalam bilik darjah.

Oleh sebab ramai murid merupakan pelajar visual dan kinestetik, aktiviti main peranan dapat membantu mereka dalam menyusun idea, fakta dan konsep serta memasukkan fakta lain dalam penulisan mereka.

### **Kaedah Kajian**

Subjek kajian ini ialah murid Darjah 3 dan 5.

### **Proses pembelajaran**

Sebelum kajian dijalankan, murid dikenalkan dengan cara penulisan dialog dan penggunaan tanda baca yang betul.

Bagi murid Darjah 5, latihan penulisan dialog diberikan sebagai latihan untuk mengingatkan murid semula cara menulis dialog dengan betul. Murid menggunakan tanda baca, iaitu tanda petik (“...”) pada awalan ayat.

Bagi Darjah 3 pula, murid dikehendaki menulis watak yang harus mereka lakonkan. Kemudian, mereka menulis dialog yang hendak digunakan semasa lakonan. Setelah itu, murid mencatatkan perkara yang watak tersebut lakukan yang berkaitan dengan dialognya.

Gambar yang sesuai dengan kemahiran yang hendak diajarkan dipilih. Gambar tersebut harus mengandungi pelbagai dialog yang boleh dibina dan aksi yang boleh dilakukan. Contohnya, gambar bertemakan kejadian seharian telah dipilih untuk kedua-dua peringkat.

Klip video yang sesuai dengan tajuk gambar juga dipilih dengan teliti kerana video itu akan memberikan pengalaman pada murid yang belum pernah mengalami situasi yang dikemukakan. Klip video tersebut harus mempunyai kesan bunyi dan jalan cerita yang sepadan dengan gambar. Aktiviti induksi menonton klip video juga dijalankan untuk menarik minat dan memberikan pengalaman kepada mereka agar dapat terlibat dalam aktiviti sumbang saran. Semasa menonton klip video tersebut, murid mencatatkan

perkataan atau frasa yang menarik. Perkataan dan frasa ini boleh berbentuk kata kerja, kata adjektif, kata nama, penjodoh bilangan atau peribahasa. Perkataan tersebut dituliskan di atas kertas pelekat yang digunakan untuk aktiviti sumbang saran secara seluruh kelas. Hal ini dapat memberikan ruang kepada murid yang berasa malu agar turut serta dalam aktiviti tersebut. Murid Darjah 3 harus mengenal pasti kesan bunyi yang dapat didengar dalam klip video. Setelah itu, guru bertanya jawab dengan murid secara lisan mengenai klip video yang ditonton.

Sebelum aktiviti kumpulan dimulakan, murid diberikan peranan sebagai ketua kumpulan, pencatat, penjaga masa atau penjaga disiplin. Hal ini dapat meningkatkan keyakinan diri murid kerana mereka tahu apa yang diharapkan daripada mereka. Murid akan bergilir-gilir memainkan peranan yang berbeza itu. Oleh itu, aktiviti tersebut dapat memberikan peluang kepada murid untuk memahami peranan yang berlainan dan dengan tidak secara langsung dapat meningkatkan keyakinan diri mereka.

Kemudian, murid mengenal pasti frasa yang boleh digunakan berdasarkan gambar. Perkataan atau frasa ini disediakan di dalam kertas soalan. Murid memadankan perkataan atau frasa berdasarkan gambar. Murid mengisi perkataan tersebut di lembaran yang disediakan.

Secara kumpulan pula, murid menulis kata nama, kata kerja, kata adjektif, penjodoh bilangan atau peribahasa yang tidak terdapat di dalam garis panduan tetapi dapat digunakan dalam lakonan atau penulisan mereka kelak. Murid digalakkan untuk memberikan kosa kata berdasarkan pengetahuan dan pengalaman. Aktiviti sumbang saran dalam kumpulan dapat meningkatkan keyakinan diri kerana murid dapat berinteraksi dengan rakan sebaya mereka tanpa rasa takut atau segan.

Dialog kemudiannya direka berdasarkan kepingan gambar yang diberikan. Templat digunakan untuk memastikan murid menulis dialog menggunakan tanda baca dan format yang betul. Murid juga menuliskan aksi yang ingin mereka lakonkan semasa aktiviti main peranan.

Seterusnya, guru mencatatkan dialog-dialog yang bermutu di kertas sebak agar ia boleh digunakan semasa penulisan karangan kelak. Ini bertujuan membantu murid yang lemah dalam penulisan dialog agar dapat menulis struktur ayat yang gramatis, lengkap dengan menggunakan tanda baca yang betul.

Aktiviti susulan dilakukan untuk mendapatkan maklum balas rakan dari segi lakonan dan aktiviti sumbang saran untuk menjana idea. Aktiviti ini berfungsi sebagai alat untuk memperbaiki diri agar murid lebih berani mengetengahkan pendapat dalam suasana yang selesa dan selamat.

Setelah itu, penulisan karangan dijalankan di dalam kelas secara individu berdasarkan fakta yang telah dikumpulkan semasa aktiviti sumbang saran. Sesi lakonan dijalankan untuk memastikan murid dapat menggunakan idea yang telah mereka dapati melalui aktiviti tersebut. Senarai semak senarai kata dan dialog digunakan oleh guru untuk menandakan penggunaan dialog dan frasa yang baik (Rujuk Lampiran C).

### **Dapatan Kajian**

Berdasarkan ujian semester akhir tahun, 99% murid Darjah 5 berjaya lulus dalam komponen penulisan berbanding dengan hanya 85% murid sahaja yang lulus semasa ujian semester pertama. Seramai 11% murid Darjah 3 pula meraih markah cemerlang antara 17-20 markah semasa ujian semester akhir tahun berbanding dengan 4% semasa ujian semester pertama.

Sikap positif murid semasa sesi sumbang saran dan lakonan amat memberangsangkan. Guru mendapati bahawa murid lebih ghairah apabila pengajaran karangan dijalankan kerana aktiviti yang dirancang dapat membantu murid dalam penulisan mereka. Guru juga mendapati murid lebih berupaya menghasilkan karangan yang lebih bermutu dengan bantuan dialog dan plot. Karangan murid tidaklah hambar seperti sebelumnya. Murid menggunakan pengalaman dan fakta yang diperolehi semasa perbincangan atau lakonan dalam penulisan mereka. Hal ini dapat menambahkan keunikan dan kreativiti murid yang bersifat tulen. Kesemuanya ini membantu meningkatkan pencapaian murid bagi komponen isi dalam karangan mereka.

Murid pula lebih berminat menulis karangan kerana maklumat yang diperolehi semasa pementasan lakonan dan perbincangan bersama rakan membantu mereka menulis karangan dengan lebih baik.

### **Kesimpulan**

Drama ialah alat yang unggul untuk membolehkan murid bertutur dan mengambil bahagian dalam aktiviti yang dirancang. Drama juga merupakan suatu landasan yang baik untuk menggalakkan murid bertutur dengan yakin di hadapan kelas. Di samping

itu, drama telah dapat melengkapkan murid dengan pelbagai kemahiran untuk mengelolakan penulisan karangan dengan baik.

### **Rujukan**

Diana Morrone (2001) The Benefits of Drama in Education, quoted in <http://www.angelfire.com/art3/dramainedu/>, dated 24 June 2012, 10:15pm

Jennifer Stepanek, Gary Appel, Melinda Leong, Michelle Turner Mangan & Mark Mitchell (2007), Leading Lesson Study, Corwin Press.

Johnson, Colleen (2002) 'Drama and Metacognition', Early Child Development and Care, 172: 6, 595 —602

Kathleen (1993) 'Empowering children through drama', Early Child Development and Care, 90:1, 83 — 974.

Patrice Baldwin (2002) dalam Kertas Kerja Ucaptama, bertajuk, 'Thinking Children' semasa The National Drama Conference di Edinburgh.

The benefits of drama in education <http://www.angelfire.com/art3/dramainedu/> dirujuk dari Januari 2010 – Oktober 2010



**Latihan Penulisan Dialog**

Arahan: Berdasarkan gambar, reka sebuah perbualan. Dialog tersebut haruslah dibina dengan menggunakan ayat-ayat yang mudah difaham

Penulisan Dialog: Awal Cerita

Watak	Dialog
	<p>“ _____                      _____,” kata _____.                      (nama watak)</p>
	<p>“ _____,” kata _____.                      _____.                      (nama watak)</p>
	<p>“ _____,” kata _____.                      _____.                      (nama watak)</p>
	<p>“ _____,” kata _____.                      _____.                      (nama watak)</p>

**Dialog pilihan:**

---

**Kesesuaian:**

---

## Lampiran B

### Latihan Penulisan Dialog

Arahan: Berdasarkan gambar, reka sebuah perbualan. Dialog tersebut haruslah dibina dengan menggunakan ayat-ayat yang mudah difaham.

Nama Pelakon:

Contoh:

Arif (nama murid) sebagai penjual di kedai sukan(nama watak)  
\_\_\_\_\_ sebagai \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_ sebagai \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_ sebagai \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_ sebagai \_\_\_\_\_

<b>Nama watak</b>	<b>Dialog</b>	<b>Catatan</b>
Contoh: Rahim	Yusuf, mari kita bermain bola.	Rahim menelefon Yusuf. (berdiri sambil memegang telefon)

## Lampiran C

## Latihan Karangan

Arahan: Sila catatkan kosa kata yang sesuai

1. Sumbang saran kosa kata dan tuliskan di dalam petak di bawah.

✓	bunyi	✓	Keadaan	✓	Perasaan

2. Padankan frasa –frasa yang telah diberikan di dalam petak-petak yang telah diberikan. Kamu dikehendaki menambah perkataan atau frasa sendiri.

✓	Gambar 1	✓	Gambar 2	✓	Gambar 3

✓	Gambar 4	✓	Gambar 5	✓	Gambar 6

3. Bincangkan dialog yang sesuai.

✓	Dialog